

MEDIA SOSIAL SEBAGAI PRAKARSA PEMANTAPAN DAKWAH

SOCIAL MEDIA AS A DAKWAH STRENGTHENING INITIATIVE

Maryam Hassan¹
Nor Azimah Othman²
Zulaikha Muhamad³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: cikyam@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: azimahothman59@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: ikha0401@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Hassan, M., Othman, N. A., Muhamad, Z., & Saidin, M. (2023). Media Sosial Sebagai PrakarSA Pemantapan Dakwah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 91 - 104.

Abstrak: Perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) sedang merubah era komunikasi pada masa kini. Media sosial menjadi medium utama dalam penyampaian maklumat sehingga diistilahkan “maklumat di hujung jari”. Aplikasi Facebook, Twitter, Instagram dan yang paling terkini adalah Tiktok memaparkan pelbagai informasi baru serta bertindak sebagai medium pertukaran pendapat dan percambahan ilmu pengetahuan. Media sosial juga memberi peluang besar kepada pendakwah untuk menyebarkan dakwah Islamiah secara maya kepada masyarakat tanpa perlu keluar dari rumah. Perkara ini juga bertepatan dengan situasi masyarakat yang terlalu sibuk bekerja dan tidak sempat untuk mengunjungi kuliah-kuliah agama. Tujuan berdakwah adalah untuk memberi ilmu agama supaya setiap perbuatan yang dilakukan berlandaskan syariat Allah SWT. Namun, menjadi suatu kebimbangan apabila maklumat yang disampaikan oleh pendakwah tidak disandarkan kepada rujukan yang sahih khususnya al-Quran dan Sunnah. Ini kerana, berdasarkan kajian lepas didapati bahawa 20% maklumat yang disebarkan di media sosial tidak dapat dipastikan sumbernya. Di samping itu, terdapat segelintir pendakwah telah menyebarkan dakwah yang bercanggah dengan al-Quran dan sunnah. Hal ini berlaku disebabkan pendakwah tersebut bukan ahli bidang dan tiada kredibiliti terhadap ilmu yang disampaikan. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti kesahihan sumber maklumat dalam video dakwah yang terpilih seperti di Youtube dan TikTok. Kajian ini juga akan mengkaji tentang personaliti dan kredibiliti pendakwah dan menganalisis kesahihan dan ketepatan maklumat yang disebarkan oleh pendakwah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan video. Hasil kajian mendapati bahawa personaliti yang baik dan berakhlak mulia seperti menjaga pertuturan, beradab, dapat menerima kritikan, memastikan maklumat yang disampaikan adalah benar dan fakta yang tepat, menjaga akhlak dalam penulisan, menasihati

secara berhemah dan menjaga sensitiviti agama merupakan kriteria penting seorang pendakwah.

Kata Kunci: *Media Sosial, Pemantapan Dakwah, Kredibiliti Pendakwah, Kesahihan Maklumat*

Abstract: *The development of information communication technology (ICT) is changing the era of communication nowadays. Social media has become the main medium in the delivery of information so that it is termed "information at the fingertips". Facebook, Twitter, Instagram and most applications. The latest is that Tiktok displays a variety of new information and acts as a medium for the exchange of opinions and the proliferation of knowledge. Social media also provides a great opportunity for preachers to spread Islamic preaching virtually to the community without leaving home. This matter also coincides with the situation of people who are too busy working and do not have time to visit religious lectures. The purpose of preaching is to give religious knowledge so that every act done is based on the sharia of Allah SWT. However, it becomes a concern when the information delivered by the preacher is not based on authentic references, especially the Quran and Sunnah. This is because, based on previous studies, it was found that 20% of information spread on social media cannot be ascertained from its source. In addition, there are a handful of preachers who have spread Dakyah that contradicts the Quran and Sunnah. This happens because the preacher is not an expert in the field and has no credibility to the knowledge he imparts. Thus, this study will identify the validity of information sources in selected preaching videos such as YouTube and TikTok. This study will also examine the personality and credibility of the preacher and analyze the validity and accuracy of the information disseminated by the preacher. This study is a qualitative study that uses a video content analysis approach. The results of the study found that a good personality and noble character such as maintaining speech, civility, being able to accept criticism, ensuring that the information presented is true and accurate facts, maintaining morality in writing, advising prudently and maintaining religious sensitivity are important criteria for a preacher.*

Keywords: *Social Media, Preaching Strengthening, Credibility of Preachers, Validity of Information*

Pengenalan

Setiap orang Islam dilahirkan sebagai khalifah di muka bumi yang berfungsi sebagai seorang pendakwah dan bertanggungjawab dalam menyampaikan seruan Islam mengikut kemampuan dan cara mereka. Dakwah adalah diwajibkan untuk dilaksanakan bagi meneruskan perjuangan Nabi Muhammad SAW. Usaha penyebaran dakwah semakin berkembang dari hari ke hari dengan adanya bantuan teknologi yang semakin maju bertepatan dengan tuntutan masyarakat yang produktif dalam penggunaan media sosial (Ridzuan et al., 2015). Media sosial merupakan medium yang utama mempengaruhi minda dan perlakuan masyarakat. Pendakwah perlu menggunakan peluang ini dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Cara ini menyeru manusia mendekati syariat Islam dengan adanya teguran yang berhemah dan penuh hikmah daripada pendakwah. Bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

“Serulah manusia ke jalan TuhanMu dengan cara yang bijaksana dan melalui
pertuturan yang baik.” (Surah An-Nahl, ayat 125).

Peranan pendakwah sangatlah signifikan bagi memastikan dakwah yang disampaikan berkesan dan membantu memberi hikmah kepada manusia mengikut peredaran zaman.

Kredibiliti pendakwah memberi impak terhadap keberkesanan dakwah yang disampaikan. Bertepatan pada zaman melenium yang mempunyai warga siber yang digelar netizen iaitu golongan yang minat menggunakan media baharu dan menghabiskan masa yang banyak menggunakan media (Faisal & Rosmawati, 2019). Golongan ini sangatlah aktif dalam menyebarkan video dan memberi komen positif mahupun negatif terhadap berkaitan dakwah di media sosial.

Oleh yang demikian, asas pendekatan dakwah haruslah dipraktikkan oleh para pendakwah khususnya di media sosial bagi memberi keberkesanan dakwah kepada ummah. Media sosial menjadi medium sasaran dakwah pada era kini. Oleh itu, pendakwah perlu menggunakan peluang emas ini untuk membentuk kesatuan ummah yang cemerlang dunia dan akhirat. Di samping, dapat meneruskan perjuangan Nabi Muhammad ﷺ.

Permasalahan Kajian

Sumber utama perundangan Islam adalah al-Quran, al-Sunnah, *al-Qiyas* (perbandingan) dan *al-Ijma'* (kesepakatan ulama'). Keempat sumber ini bukan sahaja digunakan di dalam penyampaian dakwah Islam secara konvensional malah diaplikasikan juga di dalam semua bentuk penyebaran dakwah termasuk dakwah melalui media sosial. Di samping itu, sumber-sumber ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan maklumat yang digunakan oleh para *da'i* dan merupakan sumber sahih yang diakui dalam syariat Islam (Mohd Nazif, 2017).

Apabila para pendakwah menyedari bahawa masyarakat kini mula merujuk kepada internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan agama, maka para pendakwah menggunakan media sosial sebagai platform menyampaikan dakwah Islamiah. Akan tetapi, dakwah Islam adalah merupakan ilmu yang luas dan tidak semua orang mampu menguasai keseluruhan ilmu ini (Mohd Nazif, 2017). Malah, terdapat dakwah yang disampaikan oleh orang awam atau ustaz di media sosial adalah bertentangan dengan syariat Islam (Anis et al., 2022).

Di samping itu, personaliti pendakwah yang tidak baik menjadi penghalang utama kepada gerak kerja dakwah. Antara punca kegagalan dakwah adalah pengurusan peribadi *da'i* itu sendiri yang menyebabkan mesej dakwah tidak dapat diterima oleh mad'u dengan hati yang terbuka. Selain itu, organisasi dakwah di Malaysia menghadapi masalah apabila semakin berkurangan tenaga *da'i* yang mahir dan terlatih di negara ini yang mengganggu gerak kerja dakwah itu sendiri. Bagi memastikan penyampaian suatu dakwah itu berkesan, pendakwah harus didedahkan dengan personaliti yang seharusnya ada dalam diri mereka (Izzaty & Zainab, 2018).

Maka, yang menjadi persoalan di sini adalah adakah para pendakwah di media sosial mempunyai personaliti dan kredibiliti yang baik dalam menyampaikan dakwah? Di samping

itu, adakah maklumat yang disampaikan adalah sahih atau merujuk kepada kepada sumbernya? Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah sebagai panduan kepada masyarakat untuk menapis maklumat yang mereka perolehi daripada pengisian dakwah di media sosial.

Objektif

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tiga objektif, iaitu:

- i. Mengenal pasti perkembangan dakwah pada zaman Rasulullah ﷺ, sahabat, tabi'in dan era kini.
- ii. Mengkaji panduan personaliti dan kredibiliti pendakwah di media sosial.
- iii. Menganalisis kesahihan dan ketepatan maklumat yang disebarikan oleh pendakwah.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologinya. Para pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan rujukan yang berbentuk teks untuk melihat perkembangan penyebaran dakwah sepanjang zaman, bermula dari zaman Rasulullah ﷺ, para sahabat, tabi'in dan era kini.

Di samping itu, pengkaji-pengkaji akan membuat analisis video dakwah yang terdapat dalam media sosial yang terpilih iaitu *Youtube* dan *TikTok* untuk objektif kedua dan ketiga. Analisis video ini dijalankan untuk mengkaji personaliti dan kredibiliti pendakwah di media sosial. Para pengkaji akan memilih beberapa video daripada media sosial tersebut untuk di analisis. Di samping itu, pengkaji juga akan menganalisis kesahihan maklumat yang disampaikan oleh pendakwah.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini membincangkan tentang perkembangan dakwah pada zaman Rasulullah, Sahabat, Tabi'in dan era kini. Selain itu, mengkaji panduan personaliti dan kredibiliti pendakwah di media sosial. Akhir sekali menganalisis kesahihan dan ketepatan maklumat yang disebarikan oleh pendakwah melalui video yang dimuat naik di *YouTube* dan *TikTok*.

Perkembangan Dakwah pada zaman Rasulullah, Sahabat, Tabi'in dan Era Kini

i) Zaman Rasulullah ﷺ

Proses dakwah pada zaman Rasulullah ﷺ terbahagi kepada dua tempoh masa, iaitu dakwah di Makkah dan dakwah di Madinah. Dakwah Rasulullah ﷺ berlangsung selama 23 tahun secara total. Dakwah di Makkah berlaku sepanjang 13 tahun, manakala dakwah di Madinah berlaku sepanjang 10 tahun (Fauziah, 2013). Dakwah di Makkah bermula sebaik sahaja Rasulullah ﷺ diangkat menjadi Rasul iaitu pada tahun 611 Masihi. Fauziah (2013) menyatakan peringkat awal dakwah dimulai dengan dakwah secara rahsia (*Sirriyatu ad-Dakwah*). *Sirriyatu ad-Dakwah* berlangsung dalam tempoh tiga tahun dikalangan orang terdekat Rasulullah ﷺ yang terdiri daripada ahli keluarga dan sahabat karib. Pada peringkat ini, Rasulullah ﷺ memilih rumah al-Arqam sebagai markas penyebaran dakwah di kalangan mereka.

Sehubungan dengan itu, berlangsungnya dakwah secara terang-terangan (*Jahriyatu ad-Dakwah*) oleh Rasulullah ﷺ dan kaum Muslimin. *Jahriyatu ad-Dakwah* bermula sejak turunnya wahyu Surah al-Hijr ayat 49. Sementara itu, proses dakwah di Madinah disebabkan peristiwa hijrah Rasulullah ﷺ ke Madinah kerana kegiatan dakwah di Makkah yang tidak kondusif.

Masyarakat Madinah yang bersifat lemah lembut berbeza dengan masyarakat Makkah memudahkan penyampaian dakwah baginda.

ii) Zaman Sahabat

Rasulullah ﷺ telah wafat pada 12 Rabiul Awal tahun 11 Hijrah. Dengan itu gerak kerja dakwah diteruskan oleh sahabat-sahabat baginda yang dikenali sebagai *Khulafa' ar-Rasyidin*. Khalifah yang bermaksud pengganti atau pemimpin umat selepas kewafatan baginda terdiri daripada Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Umar al-Khattab, Saidina Uthman al-Affan dan Saidina Ali bin Abi Talib (Kawangit, 2014).

Saidina Abu Bakar as-Siddiq merupakan pemerintah pertama pada zaman sahabat selepas kewafatan Rasulullah ﷺ. Faktor pemilihannya sebagai pemerintah adalah disebabkan Abu Bakar dipilih untuk menggantikan baginda sebagai imam solat fardhu ketika baginda sakit. Seterusnya, dakwah Islam diteruskan oleh Khalifah Umar al-Khattab. Ketika pemerintahannya, banyak pembaharuan yang telah dilakukan seperti melantik gabenor di wilayah yang ditakluki Islam, menguatkan sistem pertahanan, mengasaskan *al-Diwan* dan lain-lain lagi. Selepas Khalifah Umar al-Khattab, Saidina Uthman bin Affan menjadi khalifah yang seterusnya setelah diputuskan oleh Majlis Syura. Ketika pemerintahannya, Khalifah Uthman menjalankan kegiatan dakwah di penjara dan berhasil mengislamkan ramai banduan. Manakala, pada pemerintahan Saidina Ali pula, baginda meneruskan usaha-usaha dakwah disamping memperkukuh kesatuan umat agar pemerintahannya berjalan lancar.

iii) Zaman Tabi'in

Pada permulaan zaman *tabi'in*, dakwah tersebar melalui *halaqah* ilmu. *Halaqah* ilmu dibimbing oleh para pembesar *tabi'in* seperti 'Urwah bin az-Zubair, Said bin al-Musayyib dan Abdullah bin 'Utbah bersumberkan kitab al-Quran dan kitab-kitab lain (Hamdi, 2019). Penyelenggaraan majlis *halaqah* ini diadakan setelah solat Subuh, Asar, Maghrib dan Isya' di masjid. Dengan berkembangnya *halaqah* ilmu pada zaman ini, muncullah institusi pendidikan yang lain seperti *madrasah*, *kuttab*, *dar al-hikmah*, *dar al-'ilm* dan *bimaristan*.

iv) Dakwah pada Era Kini

Pada era globalisasi zaman kini, media sosial merupakan salah satu platform dakwah yang penting bagi *menggenapkan* dakwah Islam kerana masyarakat terdedah kepada kemajuan dan kepantasan teknologi tanpa had. Dakwah adalah proses menyebarkan ilmu, maklumat dan kemuliaan Islam dengan menggunakan pelbagai metode penyampaian (Sharifah Nora, 2018). Selain itu, metode penyampaian dakwah sebelum era revolusi industri 4.0 adalah dalam bentuk lisan dan tulisan yang disebarkan kepada individu atau kumpulan sama ada secara bersemuka atau melalui bahan-bahan dokumentasi dan *halaqah-halaqah* ilmiah. Apabila teknologi makin maju, pendekatan penyebaran dakwah Islam perlu berubah sesuai dengan perkembangan semasa. Pada awal pengenalan media, penyebaran dakwah Islam adalah melalui platform filem, video, kaset, radio, dan televisyen yang mempunyai pengaruh kuat daripada masyarakat pada ketika itu (Rasinah, 2019). Di samping itu, pada zaman dulu sehingga awal abad ke-20, kaedah penyampaian dakwah adalah secara bersemuka (*face to face*). Manakala pada awal abad ke-21 ini, kaedah penyebaran dakwah yang terkini iaitu dakwah melalui alam siber adalah sangat penting disebabkan oleh perkembangan internet yang pesat (Sharifah Nora, 2018).

Tambahan pula, masyarakat lebih menyukai bahan bacaan secara digital berbanding bercetak. Oleh itu penyampaian dakwah tidak boleh hanya dilakukan melalui program agama, majlis ilmu dan dicetak di buku-buku agama, tetapi penyampaian dakwah secara atas talian perlu

diutamakan kerana mampu menasaskan lebih ramai target dakwah (Sharifah Nora, 2018). Dengan bantuan teknologi, para *da'i* dapat berdakwah melalui media sosial dengan mudah, tanpa perlu merisaukan kebatasan waktu dan tempat, serta dapat memudahkan masyarakat untuk mengakses dakwah (Asriyanti & Tia, 2021). Selain itu, signifikasi media sosial sebagai alat komunikasi dakwah adalah disebabkan perkembangan teknologi komunikasi kini boleh menyebabkan seseorang melakukan perzinaan dengan mudah kerana terdapat kemudahan untuk mendapatkan maklumat yang negatif seperti pornografi dan selainnya. Maka, metode dakwah sentiasa menekankan agar masyarakat yang beragama Islam sentiasa berhati-hati dengan sesuatu yang boleh merosakkan masa depan mereka disamping menjelaskan keburukan sesuatu perbuatan (Noradilah et al., 2019).

Antara medium media sosial yang digunakan masyarakat dalam menyebarkan dakwah adalah *Whatsapp, Facebook, Youtube, Twitter* dan *Instagram*, manakala kaedah penyampaian dakwah yang digunakan adalah berbeza mengikut fungsi media sosial tersebut. Penyebaran dakwah di *Facebook* dapat dilakukan dengan menggunakan forum grup *Facebook* bagi membentuk kumpulan dakwah. Antara media dakwah yang digunakan oleh forum grup ini selalunya dalam bentuk tulisan, gambar komik dan video kuliah yang mengandungi penyampaian dakwah kepada pengguna *Facebook* yang menyertai dalam kumpulan facebook tersebut.

Disamping itu, kaedah penyampaian dakwah di media sosial *Twitter* adalah sama dengan *Facebook* iaitu menggunakan media dakwah dalam bentuk tulisan, gambar komik, dan foto-foto tetapi *Twitter* tidak dapat menyampaikan dakwah dalam bentuk video, Seterusnya, kaedah penyampaian dakwah di *Youtube* adalah berbeza dengan *Twitter*. Yang mana metode dakwah di *Youtube* adalah dalam bentuk ceramah satu hala. Akan tetapi, terdapat tempat komentar di *Youtube* bagi membolehkan pendengar memberikan ulasan daripada penyampaian dakwah yang disampaikan oleh *da'i*. Selain itu, metode dakwah di *Instagram* adalah *al-hikmah* dan *al-Mau'idzatul Hasanah*. Penyebaran dakwah yang digunakan di *Instagram* adalah dalam bentuk gambar-gambar komik atau foto berunsurkan dakwah, tulisan-tulisan, dan video kuliah dakwah disertai tulisan-tulisan bagi menjelaskan isi kandungan video tersebut. Manakala metode penyampaian dakwah media sosial *Whatsapp* adalah *al-mujadalah* atau diskusi dua hala kerana setiap ahli grup *Whatsapp* dapat menyampaikan komentar terhadap setiap dakwah yang disampaikan oleh *da'i* (Asriyanti & Tia, 2021).

Maka, para pendakwah perlu menguasai cara penyampaian dakwah di media sosial ini dengan baik dan memastikan apa yang dikongsikan adalah benar agar dapat memberikan manfaat yang besar kepada ummah dan memudahkan mereka untuk memahami Islam dengan lebih mendalam.

Panduan Personaliti dan Kredibiliti Pendakwah di Media Sosial

Agama Islam diturunkan oleh Allah SWT ke atas Nabi ﷺ yang merupakan utusan Allah S.W.T untuk menyampaikan agama-Nya kepada seluruh umat manusia di atas muka bumi ini. Kredibiliti merujuk kepada kebolehpercayaan dan kepakaran individu dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Hal ini kerana, kredibiliti yang tinggi akan meningkatkan nilai dan akan mempengaruhi sesebuah mesej yang disampaikan kepada penerima terutamanya di media sosial (Wawarah et al., 2021).

Personaliti dan kredibiliti seseorang pendakwah memainkan peranan penting dalam memberi keberkesanan dakwah yang disampaikan. Seseorang penyampai maklumat itu haruslah mengutamakan kebenaran dan ketepatan sesuatu maklumat. Hal ini kerana, kredibiliti dan etika

seorang penyampai di media sosial berbeza dengan interaksi secara bersemuka. Justeru apabila berlaku ketidaksahihan sesuatu maklumat yang dipaparkan di media sosial, ia akan mengundang risiko krisis dan salah faham berlaku.

Sebagai pendakwah dalam talian, individu ini mempunyai peranan penting dalam meneruskan dakwah Islam bagi menyumbang pengetahuan agama kepada masyarakat dengan lebih mendalam. Oleh itu, pendakwah haruslah mengikuti panduan dalam sebelum berdakwah di dalam media sosial bagi mengelakkan ketidaksahihan maklumat terutamanya berkaitan agama (Sidi, 2010). Hal ini akan memberi impak yang besar jika ketidaksahihan berlaku dalam penyampaian dakwah terutamanya hal-hal yang melibatkan hukum. Oleh yang demikian, berikut adalah panduan bagi seseorang pendakwah.

Panduan Personaliti

Personaliti pendakwah merupakan persepsi awal audiens kerana ini memberi keyakinan kepada mereka untuk menerima dakwah yang disampaikan tanpa melihat kepada konten yang akan disampaikan lagi. Oleh yang demikian faktor personaliti perlu diambil berat. Beberapa aspek personaliti yang perlu ditekankan seperti:

Penampilan

Penampilan seorang pendakwah mempunyai pengaruh ke atas keberkesanan dakwah, walaupun menerusi secara dalam talian, aspek penampilan perlu dititik beratkan. Terdapat dua jenis penampilan diri iaitu penampilan fizikal dan penampilan peribadi yang perlu diberikan penekanan oleh seseorang pendakwah dalam usaha menjadikan mereka yang disegani (Salasiah, 2005).

a) Penampilan Fizikal

Penampilan bermaksud perihal usaha yang menampilkan atau mengemukakan seseorang atau sesuatu (Noresah, 2005). Manakala fizikal pula bermaksud berkenaan dengan badan atau jasmani. Penampilan fizikal merujuk kepada rupa paras seseorang. Setiap pendakwah juga seharusnya mempunyai ketrampilan yang menarik dan kemas serta bersih semasa menjalankan gerak kerja dakwah. Personaliti diri yang ditunjukkan oleh pendakwah itu dapat diukur melalui penampilan mereka dari sudut fizikal berdasarkan kepada kecergasan dan kekemasan dirinya sewaktu menjalankan kerja dakwah (Zaim, 2022).

Pendakwah mestilah mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan oleh syarak iaitu dengan memakai pakaian yang menutup aurat dengan sempurna, memakai pakaian yang tidak menyerupai pakaian orang kafir, tidak memakai lambang-lambang yang diragui yang boleh membawa kepada dosa dan syirik serta memakai pakaian yang tidak terlalu keterlaluan. Bagi penampilan bagi pendakwah wanita dibahagikan kepada tiga aspek iaitu pakaian yang mematuhi syariat, perhiasan yang tidak berlebihan dan solekan yang tidak mengghairahkan (Shafiza, 2015). Para pendakwah haruslah membentuk penampilan fizikal ketika berdakwah seperti menjaga riak muka, memastikan badan sentiasa wangi, cara berdiri dan berjalan, dan nada suara yang sopan.

b) Penampilan Peribadi

Penampilan peribadi perlu ditonjolkan oleh pendakwah untuk menarik perhatian orang ramai. Peribadi merujuk kepada sifat-sifat, kelakuan, sikap dan tingkah laku seseorang yang sudah sehati dengan dirinya sendiri yang merupakan wataknya (Sidi, N. 2010). Personaliti peribadi merupakan keseluruhan cara bertindak, berfikir dan membeza dengan individu yang lain. Oleh

itu, pendakwah yang mempunyai budi pekerti yang terpuji, mempunyai kelakuan yang baik dan sifat-sifat yang unggul dan boleh menjadi contoh teladan yang baik kepada umat Islam yang lain. Ini kerana akhlak yang mulia itu lebih berkesan daripada kata-kata atau ucapan pendakwah.

Sifat-sifat asasi perlu ditampikan oleh pendakwah ialah beriman kepada Allah S.W.T., kuat berhubung dengan Allah S.W.T., ikhlas, berilmu, beristiqamah, menjadi contoh teladan yang baik, memuliakan agama Islam, lemah lembut, peramah, tawaduk, berkorban, jauh dari sifat cemburu, mengharap dan mempercayai pertolongan Allah S.W.T., benar, memudahkan dan bersabar (Ahmad, 2003).

Panduan Kredibiliti

Secara umumnya, kredibiliti didefinisikan sebagai kualiti sumber informasi yang menyebabkan apa yang diucapkan dipercayai melebihi sebarang bukti perbincangan (Normah, 2010). Kredibiliti melibatkan kajian bagaimana ciri komunikator yang berlainan boleh mempengaruhi pemprosesan mesej di kalangan penerima. Konsep ini merujuk kepada seorang individu atau komunikator seperti penyampai berita atau pemimpin dunia. Beberapa faktor kredibiliti yang perlu diambil kita, antaranya:

i. Faktor Pendakwah

Sebagai seorang pendakwah haruslah memperkembangkan dirinya dengan ilmu agama yang mendalam dalam sesuatu bidang. Seseorang yang bukan ahli dalam sesuatu bidang tidak berhak untuk menyuarakan pandangan dan pendapat kerana risau akan kesahihannya. Di samping itu, sumber rujukan yang digunakan haruslah relevan dengan mesej yang disampaikan seperti merujuk syeikh yang bertauliah dan kitab yang tiada sebarang keraguan.

ii. Faktor Mesej

Mesej dakwah dalam bahasa Arab ialah *mawdu' al-da'wah* yang bermaksud ajaran Islam itu sendiri yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Rasulullah ﷺ sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan sunah. Pemilihan isi dakwah merupakan salah satu faktor bagi kejayaan kegiatan dakwah. Oleh yang demikian, mesej dakwah yang hendak disampaikan perlu dikaitkan dengan unsur-unsur menarik iaitu mudah, jelas dan terang, pelik, berubah-ubah, bergerak dan keperluan.

iii. Faktor Masa dan Situasi

Berdakwah dengan tidak memilih masa yang sesuai dan tidak mengetahui situasi audiens akan memberi masalah dalam perjalanan dakwah. Hal ini kerana, audien akan melarikan diri daripada seruan yang hendak disampaikan jika pendakwah salah memilih situasi dalam berdakwah. Pendakwah hendaklah bijak mengetahui pemikiran audiens yang hendak didakwah dan memilih isi dakwah yang bersesuaian dengan realiti pemikiran dan kehidupan audiens. Ia bermaksud mengaitkan isi dakwah dengan suasana realiti audiens. Contohnya, berdakwah kepada golongan seksual seperti pondan, pengkit, pelacur dan sebagainya memerlukan kesesuaian masa dan situasi bagi mereka menerima dakwah yang disampaikan.

iv. Faktor Gaya Persembahan Mesej

Penyampaian mesej dakwah perlu disampaikan dalam bentuk tertentu untuk menarik perhatian audiens. Namun, bentuk dakwah masa kini perlu dipelbagaikan lagi bagi

mencuri perhatian audiens. Antaranya ialah berdakwah melalui video yang dirakam suara pendakwah dan muka, video yang hanya mempunyai kata-kata berlatar belakang muzik dan pelbagai lagi. Dengan adanya *uslub* dakwah yang menarik, seruan dakwah lebih mudah difahami oleh penonton. Kepelbagaian *uslub* dakwah termasuklah menggunakan bahasa yang indah dan fasih, berulang-ulang, menjinakkan, membuka pemikiran, mengemukakan alasan, kisah, perbandingan dan *tarhib* dan *tarhib*.

Kesahihan dan Ketepatan Maklumat yang Disebarkan oleh Pendakwah



Rajah 1

Baru-baru ini tular di laman TikTok mengenai seorang pendakwah bebas iaitu Ustazah Afifah yang memberi kenyataan bahawa “Minum susu mengundang kutu”, “Bersalaman dengan artis rosak roh”, “Makan ubat tahan sakit boleh masuk neraka”, “Dayus si suami biarkan dengan lelaki sambut kelahiran isteri” dan lain-lain. “Minum susu mengundang kutu” merupakan topik yang akan diperincikan bagi kajian ini.

Pendakwah bebas ini menggelarkan dirinya sebagai “ustazah” iaitu orang yang arif dalam bidang hal ehwal agama. Akan tetapi fakta yang dikeluarkannya adalah sama sekali bertentangan dengan agama dan bercanggah dengan kajian sains. Pencetus Ummah (PU) Amin Idris seorang pendakwah bebas menyatakan bahawa Ustazah Afifah ini tidak mempunyai latar belakang agama yang formal dan untuk iktiraf sebagai agamawan dan ilmuan itu sukar. Beliau berpesan supaya berhati-hati dalam mengambil ilmu daripada mereka.

Seorang pegawai pegawai kesihatan iaitu Dr1 Share di laman tittok-nya menyatakan tiada kajian sains yang mendakwa bahawa minum susu mengundang kutu. Terdapat kajian sains mengenai kutu dengan lembu bukannya susu yang dikeluarkan oleh lembu. Selain itu, Dr Gafoor dari akaun TikToknya mengatakan bahawa Ustazah ini melakukan sesuatu untuk menunggang agama dan menimbulkan kontroversi yang tidak benar. Tambahan pula, tiada kajian saintifik berkaitan minum susu dengan kewujudan kutu, kelemumur dan rambut gugur. Malah dengan ini menyatakan susu merupakan minuman bagus untuk badan dan mempunyai oksigen radikal dan akti oksidan yang baik untuk tumbesaran.

Susu mempunyai banyak kelebihan seperti menguatkan tulang dan gigi, mengurangkan risiko kanser, sumber protein yang berkualiti dan banyak lagi. Susu juga merupakan minuman sunnah yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW berdasarkan hadith daripada Abdullah bin Abbas R.Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda :

مَا أَعْلَمُ شَرَابًا يُجْزِي عَنِ الطَّعَامِ عَيْرَ اللَّبَنِ، فَمَنْ شَرِبَهُ مِنْكُمْ فَلْيُثَلِّ : اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ وَزِدْنَا مِنْهُ،
وَمَنْ طَعِمَ طَعَامًا فَلْيُثَلِّ : اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ وَأَطْعِمْنَا خَيْرًا مِنْهُ

Maksudnya: “Tidak aku ketahui satu minuman yang dapat menggantikan makanan selain daripada susu. Sesiapa dalam kalangan kamu yang minum susu, hendaklah dia mengucapkan: ‘Allahumma barik lana fih wazidna minhu’ (Ya Allah berkatilah kami dengan apa yang ada di dalamnya dan tambahkan buat kami daripadanya), manakala sesiapa yang makan makanan, hendaklah dia mengucapkan: ‘Allahumma barik lana fih wa at’imna khairan minhu’ (Ya Allah berkatilah kami dengan apa yang ada di dalamnya dan berilah kami makanan yang lebih baik daripadanya).” [HR *Ahmad* (2569)]

Jakim mengeluarkan kenyataan bahawa “semua pihak khususnya golongan yang bergelar sebagai pendakwah adalah dinasihati agar sentiasa menggunakan pendekatan yang sesuai dan berhikmah dalam menyampaikan dakwah. Kenyataan yang bersifat kontroversi dan boleh menimbulkan kegusaran awam hendaklah dielakkan”.

Tambahan pula pendakwah ini tidak boleh menerima teguran dan pandangan daripada pihak lain. Ustazah Afifah dengan suaminya akan menfaikan saman terhadap pihak yang memberi teguran dan kritikan kepada mereka. Keperibadian seperti ini haruslah dielakkan sebagai seorang pendakwah. Seorang pendakwah haruslah mempunyai sikap keterbukaan dan berlapang dada terhadap teguran yang dilontarkan dan bersedia untuk memperbaiki diri.

Oleh yang demikian, terbukti bahawa fakta yang dikeluarkan oleh Ustazah Afifah itu bertentangan dengan ajaran Islam dan fakta sains. Sebagai seorang pendakwah haruslah mempunyai kepakaran dan ilmu yang cukup sebelum menyebarkan maklumat ataupun dakwah kepada orang ramai. Hal ini kerana, dibimbangi akan berlakunya penyelewengan maklumat dalam masyarakat.



Rajah 2

Ustaz Adi Hidayat, Lc, MA yang dilahirkan pada 11 September 1984 di Pandeglang, Banten adalah seorang pendakwah bebas dari Indonesia yang bergiat dalam menyampaikan dakwah di media sosial serta turut menerbitkan buku dan makalah karangan beliau. Di samping itu, beliau telah meraih pelbagai anugerah sejak daripada zaman sekolah rendah hingga peringkat universiti. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Tripoli, Libya dalam bidang *Lughah Arabiyyah wa Adabuha* demi untuk memahami al-Quran dan Hadis dengan lebih mendalam. Di Libya, beliau telah mendalami ilmu al-Quran, Hadith, *Fiqh*, *Ushul*, Tarikh, *Lughah* dan lain-lain. Selain itu, beliau turut *bertalaqqi* dengan para syeikh di Libya dan negara lain yang dikunjunginya. Selain *bertalaqqi*, Ustaz Adi Hidayat juga aktif dalam acara *Tsaqafah Islamiyyah* di saluran televisyen at-tawashulTV Libya (Muslim, 2020).

Selepas beliau menghabiskan pendidikan sarjana di Libya selama hampir 6 tahun, beliau telah menyambung pendidikan master di Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung (Afrida, 2020). Seterusnya, pada 27 November 2019, Ustaz Adi Hidayat telah menerima gelaran doktor kehormatan (*Doctor Honoris Causa*) dalam bidang pengetahuan, budaya, dan dakwah dari Universiti Astrolabe Istanbul, Turki. Gelaran kehormatan ini dianugerahkan secara langsung oleh Presiden Turki, Recep Tayip Erdogan. Di samping itu, pengurniaan anugerah ini juga telah disaksikan oleh puluhan para pelajarnya yang bergelar hafiz Al-Quran dan menimba ilmu di Turki atas tajaan biasiswa yang diberikan oleh Ustaz Adi Hidayat (M. Purwadi, 2019).

Di samping itu, Ustaz Adi Hidayat telah menimba ilmu daripada para ulama' dan syeikh. Antaranya ialah Syeikh Ali al-Liibiy (Imam Libya untuk Erop), Syeikh Ali Ahmar Nigeria (*riwayat warsy*), Syeikh Ali Tanzania (*riwayat ad-Duri*). Ustaz Adi Hidayat juga mempelajari ilmu *Tajwid* daripada Syeikh Usamah (Libya). Manakala diantara guru *Tafsir* beliau ialah Syeikh Tanthawi Jauhari (Grand Syaikh al-Azhar) dan Dr. Bajiqni (Libya). Sementara itu, beliau belajar *Ilmu Fiqh dan Ushul Fiqh* Ilmu Hadith daripada Dr. Shiddiq Basyr Nashr (Libya).

Manakala, beliau belajar *Ilmu Fiqh dan Ushul Fiqh* dari Syeikh ar-Rabithi (*mufti Libya*) dan Syeikh Wahbah az-Zuhaili (Ulama Syiria). Selain itu, beliau mendalami ilmu *lughah* melalui Syeikh Abdul Lathif as- Syuwairif (Pakar bahasa Dunia, anggota *Majma' al-Lughah*), Dr. Muhammad Djibrin (Pakar Bahasa dan Sastra) dan Dr. Abdullah Ustha (Pakar *Nahu dan Sharaf*), Dr. Budairi al-Azhari (Pakar ilmu *Arudh*), juga *masyayikh* lainnya. Sementara itu, ilmu *Tarikh* beliau pelajari diantaranya daripada Ust. Ammar al-Libiy (Sejarawan Libya). Selain daripada menimba ilmu daripada para syeikh, Ustaz Adi Hidayat juga aktif mengikuti seminar dan dialog bersama para pakar dalam forum ulama dunia yang berlangsung di Libya (Muslim, 2020).

Sementara itu, pada tahun 2009, Ustaz Adi Hidayat dilantik menjadi ketua dewan khatib jami Dakwah Islamiyah Tripoli yang bertanggungjawab menentukan siapa yang akan menjadi pembaca khutbah dan memberikan ceramah di Masjid Dakwah Islamiyah. Beliau juga aktif menyertai dialog antarabangsa bersama para pakar agama dan menghadiri pelbagai seminar. Setelah itu, pada tahun 2013, beliau mengasaskan Quantum Akhyar Institute, yayasan yang menawarkan bidang pengajian Islam dan perkembangan dakwah. Manakala, pada bulan November 2016, beliau bersama dua orang sahabatnya iaitu Heru Sukari dan Roy Winarto telah mengasaskan Akhyar TV sebagai media dakwah yang utama (Muslim, 2020).

Selain itu, Ustaz Adi Hidayat adalah *ahlul al-Quran* yang merupakan seorang hafiz yang berusaha sebaik mungkin untuk menerapkan dan mengamalkan segala isi kandungan al-Quran. Seterusnya, beliau menghafal al-Quran dengan cara mengingati urutan halaman dan kedudukan ayat di dalam Kitabullah. Di samping itu, cara penyampaian beliau yang menulis nota-nota penting di papan putih semasa menyampaikan dakwah adalah satu perkara yang menarik kerana ia memudahkan pendengar memahami apa yang ingin beliau sampaikan. Beliau juga mempunyai personaliti dan keterampilan yang baik ketika menyampaikan dakwah. Sebagai seorang pendakwah, beliau juga menjadi suri teladan kepada komuniti Muslim. Ketika penyampaian dakwah, beliau sentiasa berperwatakan ceria dihadapan penontonnya.

Kami telah melakukan analisis video penyampaian Ustaz Adi Hidayat yang bertajuk “Amalan Nabi untuk Menguatkan Dakwah” bagi mengkaji kesahihan dan ketepatan penggunaan ayat al-Quran dan hadis yang digunakan di dalam penyampaian beliau. Dalam penyampaian dakwah Ustaz Adi Hidayat, dilihat bahawa beliau menggunakan dalil daripada ayat al-Quran sebagai penguat hujahnya. Cara beliau menyampaikan dalil daripada al-Quran tersebut dengan menyertakan nama surah, turutan ayat al-Quran tersebut beserta beberapa perkara lain. Seperti kedudukan ayat tersebut pada muka suratnya, sama ada di atas, di tengah atau di bawah muka surat itu.

Contohnya, beliau menyatakan dalil berkaitan ujian dan musibah kepada manusia membawa kepada rahmat Allah S.W.T. Ustaz Adi Hidayat membacakan dalil dari Surah al-Baqarah, dengan menyebutkan nama surahnya, turutan surahnya iaitu surah kedua di dalam al-Quran, disertakan bilangan ayatnya iaitu ayat 155 hingga ayat 157. Dan beliau juga menyatakan dalil itu terletak di muka surat kiri dan ayat yang dinyatakan terletak di bahagian atas sehingga ke tengah muka surat.

Pengkaji telah menyemak kesahihan maklumat yang disampaikan oleh Ustaz Adi Hidayat dengan membuka mushaf al-Quran. Jelaslah, semua maklumat berkaitan dalil yang dibacakan adalah benar. Manakala bagi penyampaian hadith, Ustaz Adi Hidayat telah menyatakan bahawa

hadith tersebut adalah diriwayatkan daripada kitab *Sahih Bukhari*, bab Iman dan tajuk subtopiknya adalah Rukun Iman. Apabila satu hadis tersebut ditakhrijkan daripada *Sahih Bukhari* maka ia adalah hadis yang sahih dan boleh digunakan sebagai hujah. Maka status hadith tersebut tidak diragui lagi kerana ia adalah berstatus sahih. Sementara itu, melalui kajian kami daripada laman web dorar.net memaparkan bahawa hadith yang dikongsikan Ustaz Adi Hidayat tersebut adalah berstatus sahih.

Seterusnya, Ustaz Adi Hidayat telah membacakan sanad yang penuh sebelum membaca hadis tersebut. Tindakan ini adalah baik kerana mengetahui sanad bagi suatu hadith adalah suatu perkara yang penting. Bagi mengetahui kesahihan hadis Rasulullah ﷺ, ia memerlukan kepada *isnad* yang sahih. Kesahihan pada sanad hanya dapat diketahui melalui riwayat perawi *thiqah* daripada perawi yang *thiqah*, dan perawi adil daripada perawi adil. Maka kajian mengenai sanad hadith adalah suatu yang amat penting untuk menerangkan berkenaan dengan keadaan perawinya dari sudut *al-Jarh wa Ta'dil*. Ia juga merupakan cara utama yang dengannya dapat diketahi sama ada suatu hadith itu sahih atau daif (Abdul Majid, 2021).

Kesimpulan daripada kajian ini adalah jelas menunjukkan bahawa Ustaz Adi Hidayat menyampaikan dakwah berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah yang berlandaskan kepada ilmu yang benar. Beliau sememangnya mempunyai ilmu terhadap perkara yang telah dikongsikan dengan masyarakat. Maka kita boleh menerima dan mengamalkan apa yang telah dikongsikan oleh beliau kerana ia tidak menyalahi syariat Islam.

Rujukan

- Abdul Majid Ghouri. (2021). *Pengenalan Ilm al-Rijal* diterjemah oleh Muhammad Hazim bin Hussin & Zulhilmi bin Mohamed Nor. *Darul Syakir Interprise, Bandar Baru Bangi, Selangor*.
- Ahmad b. Nasir b. Abd al-Rahman al-Ammar (2003). *Sifat al-Da'iyah*, c. 3. Riyad: Dar Ishbiliyya, h. 25-78.
- Anis Nur Athirah Anuar, Raudhatul Jannah Azhar, Nurdamia Khalida Kasim, & Prof. Madya Dr.Syed Najihuddin Syed Hassan. *Media Sosial Sebagai Platform Penyampaian Dakwah: Implikasinya Terhadap Remaja*.
- Anuar, A. N. A., Azhar, R. J., Kasim, N. K., & Hassan, M. D. S. N. S. *Media Sosial Sebagai Platform Penyampaian Dakwah: Implikasinya Terhadap Remaja*.
- Ashaari, M. F., Ismail, N. F., & Rasit, R. M. (2019). Reaksi netizen muda terhadap kebanjiran maklumat di alam maya. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*, 35(3), 390-406.
- Badruddin, Mohd Nazif Bin. *Analisis Mesej Dakwah Islamiah Dalam Halaman Facebook. Dr1 Share*. (2022, Disember 24). *Terlalu banyak minum susu boleh kena kutu #dr1share #tiktokguru #dokter*. Tittok <https://vt.tiktok.com/ZS82n2GPx/>
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. *Al-Hikmah*, 10(1), 34-54.
- Karim, H. A. (2019). Urgensi Halaqah Untuk Akselerasi Dakwah. *Ath Thariq Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 2(2), 315-331. doi:10.32332/ath_thariq.v2i2.1266
- M. Purwadi. (2019). *Ustaz Adi Hidayat Raih Gelar Doktor Honoris Causa dari Universitas Ternama di Turki*. <https://nasional.sindonews.com/berita/1464257/15/ustaz-adi-hidayat-raih-gelar-doktor-honoris-causa-dari-universitas-ternama-di-turki>
- Muslim, A. (2022). Retorika Dakwah Ustaz Adi Hidayat Di Channel Youtube Adi Hidayat Official: Analisis Teori Retorika Aristoteles. *Journal Of Islamic Social Science And Communication (JISSC) DIKSI*, 1(02), 135-145.

- Noresah bt. Baharom et al. (2005) op.cit., h. 1589.
- Nasution, F. (2013). Rasulullah SAW sebagai shahibu ad-dakwah: analisis sejarah dakwah pada masa Rasulullah SAW. *HIKMAH: Jurnal Ilmu Dakwah Dan Komunikasi Islam*, 7(1), 136-153.
- Othman, Sharifah Nora; Pengarah, Ketua Penolong. (2018). Dakwah Alam Siber Rentas Sempadan. *Kertas Penyelidikan*.
- Ohbulan. (2022, Disember 24). LAH RUPENYERRRR #ohbulan #fyp #viral #trendingnewsmalaysia #amiridris #sitiafifah #kantoi. Tittok <https://vt.tiktok.com/ZS8jex4ta/>
- Ridzuan, A. R. (2015). Keberkesanan dakwah melalui laman jaringan sosial dalam membentuk masyarakat Islam/A. Rauf Ridzuan[et al.].
- Rosmalina, A., & Khaerunnisa, T. (2021). Media Sosial Sebagai Alat Komunikasi Dakwah Pada Masa Pandemi. *Orasi: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 12(1), 147-160.
- Salasiah Hanin Hamjah (2005), “Kemahiran Komunikasi dalam Membina Imej dan Penampilan Pendakwah”, dalam Siti Rugayah Hj. Tibek & Salasiah Hanin Hamjah (eds.), *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 104.103
- Shafie, S., & Othman, F. M. (2015). Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan berdasarkan al-Qur'an. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 37(1).
- Sidi, N. (2010). *Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya: kajian tentang tarikan dakwahnya di selatan Thailand* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Tengku Ibrahim Helmi, (2020, 22 Januari). *IRSYAD AL-FATWA SIRI KE-378: AMALAN SUNNAH KETIKA MINUM SUSU*. Dicapai pada 24 Disember 2022 pada <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4044-irsyad-al-fatwa-siri-ke-378-amalan-sunnah-ketika-minum-susu>
- The Merdeka Time (TMT). (2022, Disember 24). JAKIM TEGUR USTAZAH SITI AFIFAH DAN SUAMI #fyp #ustazahafifah #jakim #viral. <https://vt.tiktok.com/ZS8jeutsM/>
- Wawarah, S., Saleh, N. S., Harun, N., Ghani, M. A., & Damanhuri, N. H. A. (2021). Membina Kredibiliti Pendakwah Selebriti: Panduan Berdakwah Melalui Media Sosial. *Al-i'lam-Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 1(2), 23-40.
- Zaman, P. D. D. P. I., & As-Siddiq, K. A. B. *Perlaksanaan Dakwah Dan Politik Islam Zaman Khulafa'al-Rashidin*.